

27 SEP 2001

FMM-PAKEJ RANGSANGAN

FMM SIFATKAN PAKEJ RANGSANGAN BERI KESAN PENGGANDA KE ATAS EKONOMI

Oleh: M. Saraswathi

KUALA LUMPUR, 27 Sept (Bernama) -- Persekutuan Pekilang Malaysia (FMM) menyifatkan pakej rangsangan bernilai RM4.3 bilion yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini akan merangsangkan lagi sektor pembinaan di samping memberi kesan pengganda kepada ekonomi keseluruhannya.

Sambil menyatakan pakej yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tepat pada masanya, FMM berpendapat yang pakej itu akan turut memberi kesan serta merta kepada produk dan perkhidmatan berkaitan pembinaan.

"Keberkesanan pakej rangsangan ini bergantung kepada betapa cepatnya pengagihan dana dan pelaksanaan projek-projek," katanya ketika memberi maklum balas terhadap langkah-langkah rangsangan yang diumumkan pada hari Selasa lepas.

Bagaimanapun, ia merasakan yang peruntukan RM150 juta untuk melatih pekerja-pekerja yang ditamatkan perkhidmatan mungkin tidak mencukupi dan perlu ditambah memandangkan jumlah pekerja yang ditamatkan perkhidmatan mungkin meningkat dalam bulan-bulan mendatang.

Sementara mengalu-alukan langkah ke arah mempertingkatkan terma dan akses mendapatkan pembiayaan di bawah dana-dana khas yang diperuntukkan untuk usahawan-usawah kecil dan sederhana (IKS), FMM berkata adalah perlu juga untuk menangani segera isu-isu yang berkaitan dengan syarat-syarat ketat yang dilampirkan pada permohonan pinjaman.

FMM juga berkata yang kerajaan perlu memberi tumpuan mengukuhkan daya saing dan daya tarikan Malaysia sebagai lokasi untuk pelaburan dalam Belanjawan 2002 dalam usaha menangani isu-isu jangka panjang yang dihadapi oleh ekonomi.

Sementara itu, Lai Moo Chan, presiden Persatuan Pemborong Binaan Malaysia (MBAM) ketika mengulas mengenai pakej rangsangan berkenaan berkata pemantauan secara kerap terhadap sistem penghantaran dan prosedur pembayaran akan menyediakan semangat untuk penjanaaan kontrak, mempercepatkan projek dan mengurangkan masalah aliran tunai yang dihadapi oleh para kontraktor.

Di samping memberi manfaat kepada para kontraktor, beliau berkata pakej rangsangan itu akan turut menjana permintaan untuk produk dan perkhidmatan daripada pembekal dan pengeluar bahan binaan.

Datuk Kenneth Eswaran, presiden Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia (MAICCI) berkata perbelanjaan pengguna akan bertindak sebagai pemangkin untuk lain-lain aktiviti ekonomi kerana ia mempunyai kesan-kesan pengganda.

Stan Jeffery, ketua pegawai eksekutif Optixlab berkata penekanan kerajaan terhadap teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) amat baik dalam membina sektor-sektor perniagaan baru.

Contohnya, beliau berkata program insentif pekerja berpengetahuan akan mendedahkan potensi baru dan menjamin masyarakat akan mendapat lebih banyak manfaat daripada pulangan produktiviti setiap orang.

Jeffery percaya pelbagai program ekonomi oleh kerajaan mempunyai sinergi tersendiri untuk "menjadikan negara ini model yang kukuh dan berjaya untuk rantau ini." -- BERNAMA

SM SHY AA